

**UNDERSTANDING THE IMPACT OF LONG-DISTANCE MARRIAGE ON THE
FORMATION OF CHILDREN'S PERSONALITY: AN ISLAMIC PERSPECTIVE**

**MEMAHAMI KESAN PERKAHWINAN JARAK JAUH TERHADAP PEMBENTUKAN
SAHSIAH ANAK-ANAK: PERSPEKTIF ISLAM**

Hidayatul Sakinah Mohd Zulkifliⁱ, Rafeah Saidonⁱⁱ & Azhar Abdul Azizⁱⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. hidayatul@unisel.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. rafeahs@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. Azhar952@uitm.edu.my

| | |
|-----------------|--|
| Abstract | <p><i>This study discusses the development of children's character in long-distance marriages from an Islamic perspective. The research aims to identify the effects of long-distance marriages on the formation of children's character. The research methodology used was structured interviews with six parents involved in long-distance marriages. The study findings indicate that long-distance marriages have a significant impact on the development of children's character. While the physical presence of both parents is important in shaping children's character, continuous and quality communication between parents and children can overcome this deficiency. Geographical distance constraints, limited communication, lack of social interaction, deep feelings of longing, and limitations in fulfilling the role of parents also affect the development of children's character in long-distance marriages. To ensure the healthy development of children's character in long-distance marriages, several recommendations are proposed, such as sharing activities and experiences with children, involving children in decision-making, establishing support systems, fulfilling responsibilities towards children with trustworthiness, and prioritising transparent communication between parents and a strong belief in the Islamic faith. The implications of this study are that it can provide guidance to couples in long-distance marriages on how to manage their marriages more effectively and build a strong and harmonious family relationship based on Islamic teachings.</i></p> <p>Keywords: Identity, Personality, Children, Long-distance Marriage, Islam.</p> |
| Abstrak | <p><i>Kajian ini membincangkan tentang kemenjadian sahsiah anak-anak dalam perkahwinan jarak jauh dari perspektif Islam. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti kesan perkahwinan jarak jauh terhadap pembentukan sahsiah anak-anak. Metodologi penyelidikan yang digunakan ialah kaedah temu bual berstruktur terhadap enam orang ibu bapa yang berada dalam perkahwinan jarak jauh. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkahwinan jarak jauh memberikan impak yang signifikan terhadap perkembangan sahsiah anak-anak. Walaupun kehadiran fizikal ayah atau ibu adalah penting dalam pembentukan sahsiah anak, namun komunikasi yang berterusan dan berkualiti antara ibu bapa dan anak dapat mengatasi kekurangan ini. Kekangan jarak geografi, komunikasi</i></p> |

yang terhad, kurangnya interaksi sosial, perasaan rindu yang mendalam dan keterbatasan dalam memainkan peranan sebagai ibu bapa turut mempengaruhi perkembangan sahsiah anak-anak dalam perkahwinan jarak jauh. Bagi memastikan pembentukan sahsiah anak yang sihat dalam perkahwinan jarak jauh, beberapa cadangan diusulkan seperti sentiasa berkongsi aktiviti dan pengalaman bersama anak, melibatkan anak-anak dalam membuat keputusan, mewujudkan sistem sokongan, melaksanakan tanggungjawab terhadap anak-anak dengan penuh amanah, dan ketelusan dalam komunikasi antara ibu bapa serta keyakinan yang teguh kepada agama perlu diutamakan. Implikasi kajian ini adalah ia dapat memberikan panduan kepada pasangan yang berada dalam perkahwinan jarak jauh untuk menguruskan perkahwinan mereka dengan lebih baik dan membina hubungan keluarga yang kukuh dan harmoni berlandaskan ajaran Islam.

Kata kunci: Kemenjadian, Sahsiah, Anak-anak, Perkahwinan Jarak Jauh, Islam

PENDAHULUAN

Perkahwinan menuntut suami dan isteri untuk menunaikan hak-hak yang diwajibkan terhadap mereka, mendidik anak-anak supaya menjadi insan yang berguna serta berusaha bersungguh-sungguh mendapatkan rezeki yang halal untuk menyara keluarga (al-Ghazali, t.t). Perkahwinan yang bahagia akan mempengaruhi psikologi seseorang individu dan kesihatan fizikal (Zimmermann et al., 2019). Diriwayatkan daripada Saidatina 'Aisyah R.A bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ حَيْرَتُكُمْ خَيْرٌكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرٌكُمْ لِأَهْلِي، وَإِذَا مَاتَ صَاحِبُكُمْ فَدَعُوهُ }

Maksudnya, “Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluargaku. Dan apabila salah seorang daripada ahli keluarga kalian meninggal dunia, maka biarkanlah dia (tinggalkanlah dia dan jangan berbicara tentang keburukannya)” (Hadith. Al-Tirmidhiyy. 3895).

Berdasarkan hadith diatas, salah satu akhlak Nabi Muhammad SAW ialah berkelakuan baik terhadap keluarganya, sentiasa menikmati saat-saat gembira bersama ahli keluarga, menunjukkan sikap mesra, penyayang, menunaikan nafkah anak dan isteri dan sentiasa menghiburkan isteri-isterinya dengan gelak ketawa (al-Khalidi, 2017).

Malaysia suatu ketika dahulu, kebiasaannya suami isteri pasti tinggal bersama di bawah bumbung yang sama, menjalin hubungan rapat dan harmoni dalam kehidupan seharian. Namun, dalam konteks globalisasi dan mobiliti yang semakin meningkat, perkahwinan jarak jauh telah menjadi realiti yang semakin umum. Perkahwinan jarak jauh mengacu kepada situasi di mana pasangan suami-isteri terpisah secara geografi untuk jangka masa yang lama kerana faktor peluang pekerjaan, keperluan pendidikan atau kewajipan keluarga. Fenomena ini dapat memberikan kesan yang signifikan terhadap pembentukan sahsiah anak-anak yang dilahirkan dalam perkahwinan seperti ini (Forsyth & Gramling, 1998).

Menurut Statistik Perkahwinan Jarak Jauh di Amerika, dianggarkan 3.75 juta pasangan suami isteri terlibat dalam hubungan seperti ini pada tahun 2014, membentuk 2.9% daripada semua pasangan berkahwin di Amerika. Manakala di Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mengumumkan pada tahun 2003, lebih ramai pasangan memilih untuk hidup sebagai keluarga hujung minggu, bermaksud struktur keluarga jarak jauh lebih tinggi berbanding keluarga tradisional. Menurut kajian yang dijalankan oleh Siaw Yan Li (2015), 25% penduduk di Lembah Klang dilaporkan menjalinkan perkahwinan jarak jauh atas sebab profesional.

Keadaan ini membuatkan aktiviti yang biasanya dijalankan dan ditugaskan bersama-sama dengan pasangan hendaklah dimainkan oleh salah seorang daripada mereka (Flax et al., 2017). Selain itu, perkahwinan jarak jauh turut memberi beberapa perubahan

dalam aspek komunikasi, malah boleh menyebabkan kegagalan dalam perhubungan (Crangle & Hart, 2017; Lavner et al., 2016).

Dalam konteks ini, penting untuk masyarakat memahami kesan perkahwinan jarak jauh terhadap pembentukan sahsiah anak-anak. Terdapat peraturan yang berbeza terhadap ibu bapa yang berjauhan dengan anak-anak dalam memainkan peranan memandangkan tugas mereka sering diuruskan oleh sebelah pihak (M. R. Lee et al., 2015).

Artikel ini akan mengupas kesan perkahwinan jarak jauh terhadap pembentukan sahsiah anak-anak dari perspektif Islam, dengan menggabungkan kajian literatur dan analisis yang relevan dalam menghadapi cabaran dan kesan perkahwinan jarak jauh terhadap pembentukan sahsiah anak-anak.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Quraish Shihab (2009), anak adalah berita gembira yang tidak dapat dibandingkan oleh segala hukum alam. Ini kerana kisah Nabi Zakaria dan isterinya yang melahirkan anak apabila usianya telah lanjut digambarkan di dalam al-quran sebagai sesuatu yang luar biasa. Hal ini dibuktikan melalui firman Allah SWT:

﴿فَنَادَتْهُ الْمَلَائِكَةُ وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي فِي الْمِحْرَابِ أَنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيحْيَىٰ مُصَدِّقًا بِكَلِمَةٍ مِّنَ اللَّهِ وَسَيِّدًا وَحَصُورًا
وَنَبِيًّا مِّنَ الصَّالِحِينَ﴾

Maksudnya, "Lalu dia diseru oleh malaikat sedang dia berdiri sembahyang di Mihrab, (katanya): "Bahawasanya Allah memberi khabar yang mengembirakanmu, dengan (mengurniakanmu seorang anak lelaki bernama) Yahya, yang akan beriman kepada Kalimah dari Allah, dan akan menjadi ketua, dan juga akan menahan diri dari berkahwin, dan akan menjadi seorang Nabi dari orang-orang yang soleh" (al-Quran. Ali-Imran: 39).

Manakala menurut al-Qurtubi (2008), anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia. Mempunyai anak yang memiliki sahsiah yang baik adalah lebih penting dan pahalanya kekal berbanding berbangga dengan harta dan keturunan. Allah SWT turut mengurniakan pahala yang besar kepada orang yang berbuat baik dan melakukan amalan yang berterusan (al-Tabari, 2009). Oleh itu, penting bagi ibu bapa menitik beratkan aspek pembentukan sahsiah yang baik dalam diri anak-anak sejak kecil lagi. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا﴾

Maksudnya, "Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka" (al-Quran. At-Tahrim: 6).

Ibu bapa perlu menerapkan konsep pembentukan sahsiah anak-anak melalui kaedah yang diperkenalkan Allah SWT dalam Surah Luqman. Ia mengandungi pelajaran moral dan etika yang berharga bagi umat Islam. Nilai moral yang terkandung dalam nasihat Luqman mampu membentuk diri anak-anak yang bersahsiah unggul jika dilihat dari aspek pendidikan (Arifin & Adnan, 2013). Tiga asas utama dalam pembentukan sahsiah anak-anak iaitu asas akidah, asas ibadah dan asas akhlak merupakan tonggak utama pendidikan Luqman al-Hakim kepada anaknya (Abdul Rashid, 2003). Jika kita ingin menghasilkan generasi yang unggul dari segi intelektual atau spiritual, kita perlu mengambil kira apa yang Luqman katakan kepada anaknya dalam surah ini (Khairul Hamim, 2013). Firman Allah SWT:

﴿وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ﴾

Maksudnya, "Dan (ingatlah), ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: 'Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah. Sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar" (al-Quran. Luqman: 13).

Ayat ini menunjukkan pentingnya seorang ibu bapa dalam memberikan pelajaran agama dan nilai-nilai moral kepada anak-anak mereka. Memperkenalkan dan membimbing anak-anak untuk beriman hanya pada Allah dan menghindari perbuatan syirik adalah tanggungjawab penting orang tua. Selain itu, Hamka (2007) menyatakan bahawa salah satu perkara yang paling penting untuk menghubungkan seseorang yang telah meninggal dunia dengan orang yang masih hidup ialah mendidik anak secara teratur sehingga dewasa untuk menjadi anak yang soleh. Sepertimana yang disebut oleh Rasulullah SAW:

{ إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ }

Maksudnya, "Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang mendoakan baginya" (Hadith. Muslim. 1631).

Menurut Imam Nawawi (t.t.), hadith ini menunjukkan bahawa amalan orang yang meninggal dunia akan terputus dengan kematiannya, kecuali dengan tiga amalan iaitu anak yang soleh daripada usahanya, ilmu yang ditinggalkannya melalui pengajaran atau karyanya, dan sedekah jariah serta wakaf yang dibuat olehnya.

Abdullah Nasih Ulwan (2010) menyebut dalam karyanya antara bentuk penyelewengan terhadap anak-anak adalah berpunca daripada pengabaian ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka. Justeru, untuk mencapai sebuah keluarga yang harmoni dan sejahtera, peranan yang serius perlu dimainkan oleh ibu bapa. Mereka seharusnya bertanggungjawab dan tidak bersikap mementingkan diri sendiri dalam mengejar arus pemodenan.

Sehubungan dengan itu, menyedari hakikat ini, banyak faktor dan isu penyesuaian perlu ditangani dalam perkahwinan jarak jauh. Pengekalan hubungan dan komitmen antara satu sama lain memainkan peranan yang besar dalam mengekalkan perkahwinan seperti ini kerana ia adalah teras perhubungan dan berkaitan dengan kualiti hubungan (Canary & Stafford, 1994; Clements & Swensen, 2000).

Dari perspektif Islam, perkahwinan jarak jauh tidak diharamkan, tetapi ia memerlukan kebijaksanaan dan tanggungjawab yang tinggi daripada kedua pasangan. Islam menekankan pentingnya kesatuan keluarga dan kasih sayang dalam membesarkan anak-anak kerana pendidikan menjadi lebih berkesan dengan kasih sayang keluarga (Ismail et. al., 2014). Oleh itu, pasangan yang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh perlu menjaga komitmen mereka untuk memastikan perkembangan sahsiah anak-anak dijaga.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data dari sumber primer dan sekunder. Data primer dikumpulkan melalui temu bual mendalam dengan ibu bapa yang terlibat dalam pernikahan jarak jauh, sampel kajian terdiri daripada 6 ibu bapa yang berasal dari pelbagai latar belakang budaya dan geografi. Manakala data sekunder menggunakan kaedah kajian perpustakaan yang melibatkan analisis terhadap teks-teks agama, penelitian hukum, dan sumber-sumber berpengaruh berkaitan dengan perkahwinan jarak jauh dan pembentukan sahsiah anak-anak dalam Islam. Pendekatan ini diambil untuk menyelidiki perspektif Islam mengenai masalah ini dan kesannya terhadap masyarakat.

DAPATAN KAJIAN

Data dikumpul melalui temu bual mendalam kepada tiga orang suami dan tiga orang isteri sebagai pemberi maklumat utama. Pemilihan tiga orang suami dan tiga orang isteri dilakukan secara bertujuan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan, iaitu mereka merupakan suami atau isteri yang tinggal berasingan dengan pasangan mereka kerana bekerja atau menyambung pelajaran.

Analisis data daripada temu bual menggunakan analisis tematik. Analisis tematik ialah kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan data. Data dikodkan

secara manual. Apabila semua data telah dikodkan, ia kemudiannya dikategorikan ke dalam tema yang berpotensi dan akhirnya diperhalusi berdasarkan hubungan antara kod dan tema. Analisis tematik merupakan antara kaedah kajian yang digunakan secara meluas di dalam penyelidikan kualitatif (Boyatzis, 1998).

Bahagian A: Profil Demografi

Jadual dibawah menunjukkan maklumat demografi informan 01 sehingga informan 06 secara terperinci:

Jadual 1: Profil Informan

| Informan | Jantina | Umur | Bil. Anak | Usia Perkahwinan | Lokasi Rumah Kelamin | Lokasi Pasangan |
|----------|---------|------|-----------|------------------|----------------------|------------------|
| 01 | L | 35 | 4 | 10 thn | Selangor | Sarawak |
| 02 | P | 36 | 4 | 8 thn | Perak | Selangor |
| 03 | P | 49 | 5 | 21 thn | Kuala Lumpur | Qatar |
| 04 | P | 42 | 2 | 12 thn | Terengganu | Sabah |
| 05 | L | 34 | 2 | 7 thn | Johor | Amerika Syarikat |
| 06 | L | 38 | 1 | 9 thn | Melaka | Kuala Lumpur |

Sumber: Penulis (2023)

Berdasarkan jadual diatas, informan yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 3 orang ibu dan 3 orang bapa yang berumur dalam lingkungan 34-49 tahun. Setiap informan menetap di negeri yang berbeza antaranya Kuala Lumpur, Selangor, Terengganu, Johor, Perak dan Melaka. Manakala lokasi pasangan bagi informan diatas juga berbeza-beza iaitu di Qatar, Sarawak, Selangor, Amerika Syarikat, Kuala Lumpur dan Sabah. Seterusnya dimaklumkan informan 01 dan 02 mempunyai 4 orang anak, diikuti dengan informan 03 mempunyai 5 orang anak, manakala informan 04 dan 05 memiliki 2 orang anak dan akhir sekali informan 06 dilaporkan mempunyai seorang anak.

Bahagian B: Cabaran Pembentukan Sahsiah Anak-Anak Dalam Perkahwinan Jarak Jauh

Dapatan kajian menunjukkan perkahwinan jarak jauh membawa cabaran tersendiri, terutama dalam konteks pembentukan sahsiah anak-anak. Ketidakhadiran seorang ibu atau bapa dalam kehidupan anak-anak boleh memberi kesan psikologi dan emosi yang mendalam. Kekangan jarak dan terhadnya interaksi secara fizikal juga boleh mempengaruhi ikatan keluarga. Antara cabaran yang ada ialah:

Jadual 2: Cabaran Pembentukan Sahsiah Anak-Anak Dalam Perkahwinan Jarak Jauh

| Tema | Sub-Tema |
|--|--|
| 1. Jarak fizikal | 1. Sukar membina ikatan emosi dengan anak-anak 2. Time-zone yang berbeza 3. Jarang balik |
| 2. Komunikasi terhad | 1. Kekangan untuk menyelami perasaan anak-anak 2. Anak-anak kurang menyukai bercakap menggunakan video call |
| 3. Kurang interaksi sosial | 1. Anak-anak kurang sentuhan dan belaian 2. Sukar untuk menzahirkan kasih sayang kepada anak-anak 3. Anak-Anak lebih dominan dengan watak penjaga (ibu/bapa) |
| 4. Perasaan rindu | 1. Anak-anak tantrum apabila berjauhan 2. Anak-anak tidak tahu cara menguruskan emosi (rindu) |
| 5. Keterbatasan peranan sebagai ibu bapa | 1. Terlepas banyak moment-moment indah bersama anak-anak 2. Terhad dalam memberi tunjuk ajar dalam pembelajaran anak-anak |

1. Jarak Fizikal dan Geografi

Perkahwinan jarak jauh ialah keadaan di mana pasangan tinggal di lokasi yang berbeza pada hari bekerja untuk masa yang lama demi kepentingan kerjaya pasangan (Mcbride & Bergen, 2014). Kebanyakan pasangan yang mengamalkan perkahwinan jarak jauh mengalami masalah rumah tangga (Rachmawati & Mastuti, 2013) kerana tiada pemenuhan keperluan bersama (Fatimah, 2018). Perkara ini disebut oleh informan 01, 03, dan 05.

“Bila jarang balik ni susah nak ambik hati anak-anak” (01)

“Waktu kat Qatar dan Malaysia beza 5 jam... kadang-kadang kita baru balik kerja, anak-anak kat Malaysia dah tidur” (03)

“Tiket mahal, jadi tak dapat balik selalu” (05)

2. Komunikasi Terhad

Perhubungan bersama anak-anak menjadi hambar apabila mereka kurang menyukai dan sukar memberi komitmen dalam interaksi menggunakan aplikasi video call terutamanya anak kecil walaupun terdapat kecanggihan teknologi dan pelbagai perkhidmatan komunikasi. Hal ini menyebabkan kekurangan interaksi dan keupayaan untuk menyampaikan perasaan secara berkesan.

Pertemuan yang terbatas menjadi penyebab konflik dalam hubungan pasangan jarak jauh. Pasangan yang menjalani perkahwinan dengan jarak jauh mengalami keterbatasan dalam berkomunikasi, sehingga mereka menghadapi kesulitan dalam mengatasi perbezaan persepsi (Stafford, 2005; Maguire & Kinney, 2010). Hal ini boleh berlaku apabila ibu bapa tidak dapat mencapai kesepakatan dalam menetapkan halatuju anak-anak. Perkara ini disebut oleh informan 02 dan 04.

“Bila tak borak depan-depan, susah nak selami perasaan anak-anak” (02)

“Anak-anak kecil dan bayi kurang menyukai bercakap menggunakan video call... kadang-kadang kita nak cakap dengan dia, dia melompat, berlari dan macam-macam lagi” (04)

3. Kurangnya Interaksi Sosial

Anak-anak dalam perkahwinan jarak jauh menghadapi kekurangan interaksi sosial dengan pasangan dan ahli keluarga yang lain, menyebabkan cabaran dalam pembangunan kemahiran sosial mereka. Farris (1978) dan Jackson et al. (2000) dalam kajian masing-masing melaporkan bahawa pasangan yang mengamalkan perkahwinan jarak jauh sering mengalami emosi kerana tidak dapat menghabiskan masa bersama keluarga. Perkara ini disebut oleh informan 01, 02 dan 04.

“Bila berjauhan dengan anak-anak ni, tak dapat nak peluk dan belai dia” (01)

“Susah nak tunjuk kasih sayang kat anak-anak... tak dapat nak zahirkan” (02)

“Bila selalu dengan ummi dia, saya perasan anak-anak lebih dominan dengan watak isteri saya” (04)

4. Perasaan Kesepian dan Rindu

Anak-anak mengalami perasaan kesepian dan kerinduan yang lebih besar kerana kehadiran ibu bapa mereka tidak sering dirasai dalam kehidupan harian mereka. Gerstel dan Gross (1982) melaporkan bahawa ibu bapa yang mempunyai anak kecil mengalami paling banyak kesukaran kerana anak terlalu muda untuk memahami situasi kehidupan jarak jauh serta situasi ini tidak menyumbang kepada perkembangan anak mereka. Selain itu, ibu bapa

mengalami keletihan akibat kekurangan bantuan pasangan. Perkara ini disebut oleh informan 03 dan 06.

"Isteri bagitahu anak-anak selalu tantrum bila saya takde" (03)

"Anak-anak ni tak tahu cara menguruskan emosi (rindu)" (06)

5. Keterbatasan Peranan sebagai Ibu Bapa

Ibu bapa berdepan dengan kesulitan untuk memainkan peranan mereka secara keseluruhan dalam perkembangan sahsiah anak-anak akibat jarak fizikal yang memisahkan mereka. Ibu bapa dalam hubungan jarak jauh mempunyai kekurangan masa untuk berkumpul dan bekerjasama (Ramadhini & Hendriani, 2015). Keadaan ini memaksa salah seorang ibu bapa sebagai ketua keluarga kepada tidak dapat menjalankan peranannya dengan baik (Janssens et. al, 2015). Perkara ini disebut oleh informan 02 dan 06.

"Saya sedih sebab terlepas banyak moment-moment indah bersama anak-anak. Hari sukan anak, hari graduation anak, menangis saya tengok gambar anak-anak yang isteri share" (02)

"Kadang-kadang bila anak-anak ada homework saya teringin nak ajar, tapi line internet tak clear so anak tak faham" (06)

Berdasarkan cabaran yang dinyatakan oleh informan di atas, penyelidik menyedari cabaran pembentukan sahsiah anak-anak dalam perkahwinan jarak jauh adalah isu yang memerlukan pertimbangan serius. Justeru, dalam menangani isu pembentukan sahsiah anak-anak bagi pasangan yang mengamalkan perkahwinan jarak jauh, kita juga perlu mempertimbangkan cadangan yang boleh membantu mengatasi isu ini. Oleh itu, adalah penting untuk mengambil kira pelbagai kaedah yang boleh membantu anak-anak memupuk tingkah laku yang positif dan mengekalkan prinsip keluarga yang kukuh untuk hubungan jarak jauh yang berjaya.

Bahagian C: Cadangan Pembentukan Sahsiah Anak-Anak Dalam Perkahwinan Jarak Jauh

Pendekatan pembentukan sahsiah anak-anak dalam perkahwinan jarak jauh merupakan aspek penting yang mempengaruhi perkembangan dan kesejahteraan anak-anak yang berada dalam situasi ini. Antara pendekatan yang dicadangkan oleh informan ialah:

1. Meningkatkan Kesedaran Agama

Perkara penting yang perlu dititikberatkan dalam kehidupan anak-anak ialah pembangunan spiritual mereka. Ini kerana, ia akan memberi kesan kepada pembentukan aspek lain seperti akhlak, moral, sosial, intelektual dan lain-lain (Ghazali et al., 2023). Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ﴾

Maksudnya, "Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan ahli keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan" (al-Quran. Al-Tahrim: 6).

Ibu bapa yang mengamalkan perkahwinan jarak jauh perlu bekerjasama dalam mendidik anak-anak dengan didikan agama. Komunikasi yang berterusan dan memberikan contoh teladan agama adalah penting untuk membentuk anak-anak yang bersahsiah tinggi.

Menurut Mohd Fuad et al. (2017) dengan menekankan prinsip agama, anak-anak dapat menguatkan jiwa mereka untuk menghadapi ujian dan kesukaran dalam kehidupannya.

Selain itu, ibu bapa perlu mengajar anak-anak tentang nilai-nilai kesabaran dan rasa tanggungjawab untuk membantu mereka menghadapi cabaran dalam kehidupan dan sentiasa tenang dan bersyukur atas apa yang mereka alami (Hodijah et al., 2019). Dengan pendidikan agama yang kukuh juga diharapkan anak-anak akan tumbuh membesar menjadi individu yang bertaqwa, berdisiplin, dan berkasih sayang kepada sesama manusia.

2. Komunikasi Yang Konsisten

Pasangan harus saling bekerjasama dan berkomunikasi dengan anak-anak secara aktif menggunakan teknologi yang ada, seperti panggilan video dan pesanan teks. Kehidupan sosial institusi keluarga berkait rapat dengan kemahiran komunikasi ibu bapa terhadap anak-anak (Paizah, 1991). Hubungan keluarga yang baik adalah hasil daripada sentuhan didikan dan teknik komunikasi yang baik yang digunakan oleh ibu bapa dan anak-anak (Barnes & Olson, 1985). Firman Allah SWT:

﴿فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يُبَيِّئُ ابْنِيَّ ابْنَ آرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبُحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَا بَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ﴾

Maksudnya, "Maka ketika anak itu sampai (pada umur) sanggup berusaha bersamanya, (Ibrahim) berkata, "Wahai anakku! Sesungguhnya aku bermimpi bahwa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah bagaimana pendapatmu!" Dia (Ismail) menjawab, "Wahai ayahku! Lakukanlah apa yang diperintahkan (Allah) kepadamu; insya Allah engkau akan mendapatiku termasuk orang yang sabar" (al-Quran. Al-Saffat: 102).

Di dalam surah Al-Saffat, Allah SWT menunjukkan teknik komunikasi Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail bercakap antara satu sama lain dengan cara yang sangat mesra. Hubungan keluarga yang mempunyai komunikasi yang baik membolehkan mereka bekerjasama, saling mengingati dan saling menasihati. Oleh itu, ia boleh menjadi lebih terbuka semasa proses komunikasi sehingga anak merasa selesa apabila memberitahu ibu bapanya semua perasaannya (N. a. A. Rahman & Alavi, 2023).

Walaupun jarak fizikal terpisah, teknologi komunikasi moden seperti panggilan video dapat membantu menjaga ikatan kasih sayang dan hubungan kekeluargaan antara ibu bapa dan anak-anak. Menurut Rubyasih (2016) dengan berkomunikasi secara rutin dan teratur, ibu bapa dapat tetap terlibat dalam kehidupan anak-anak mereka, mendengarkan cerita mereka, memberi dorongan, dan memberikan nasihat yang berharga.

3. Melaksanakan Komitmen dan Tanggungjawab

Pasangan perlu berjanji untuk menjaga komitmen dalam perkahwinan dan menetapkan jadual yang sesuai untuk berjumpa dan berinteraksi, melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak, dan menguruskan hal-hal rumah tangga. Saranan ini bertepatan dengan sabda Nabi SAW:

{أَلَا كُفُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلِهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ أَلَا فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ}

Maksudnya, "Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggung jawab atas apa yang dipimpinnnya. Seorang pemimpin yang memimpin rakyat akan bertanggung jawab atas rakyatnya, seorang laki-laki adalah pemimpin atas keluarganya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua, seorang wanita juga pemimpin atas rumah suaminya dan anak-anaknya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua, seorang hamba adalah pemimpin atas harta tuannya, dan dia bertanggung jawab atas harta tersebut. Setiap

kalian adalah pemimpin dan akan bertanggung jawab atas kepemimpinannya." (Hadith. Muslim. 3408).

Berdasarkan hadith diatas, terdapat hak dan tanggungjawab dalam setiap perhubungan, seperti yang terdapat dalam hubungan ibu bapa dengan anak. Menurut Mustafa al-Khin, Mustofa al-Bugha, dan Ali asy-Syarbaji (2009) tanggungjawab memberi nafkah anak-anak terletak pada seorang bapa. Antara perkara yang perlu dititik beratkan ialah hak untuk mendapat pendidikan, hak mendapat kasih sayang yang secukupnya, hak mendapat perlindungan tempat tinggal serta hak mendapat makan dan minum.

Justeru, perkahwinan jarak jauh tidak harus menjadi penghalang bagi ibu bapa untuk menunaikan hak-hak anak-anak mereka. Meskipun berada dalam situasi yang memisahkan, ibu bapa masih dapat memastikan bahawa anak-anak mereka menerima pendidikan yang selayaknya, perlindungan tempat tinggal dalam lingkungan yang aman dan nyaman serta memastikan bahawa anak-anak mereka mendapatkan gizi yang seimbang dan makanan yang mencukupi.

4. Berkongsi Aktiviti dan Pengalaman

Walaupun berjauhan, pasangan boleh berusaha untuk berkongsi aktiviti dan pengalaman harian mereka dengan penggunaan teknologi yang positif sebagai platform sosial yang menghubungkan ibu bapa dengan anak-anak (Hashim & Razali, 2019). Misalnya, mereka boleh bercerita mengenai hari mereka, aktiviti yang dilakukan, dan cabaran yang dihadapi. Ini akan membantu anak-anak merasa lebih terlibat dalam kehidupan ibu atau bapa mereka yang berjauhan. Dalam hadith Rasulullah SAW:

{ أَكْرِمُوا أَوْلَادَكُمْ وَأَحْسِنُوا أَدْبَهُمْ }

Maksudnya, *"Muliakanlah anak-anak kalian dan perbaikilah tingkah laku mereka."* (Hadith. Ibn Majah. 3661).

Keterikatan hubungan yang akrab antara ibu bapa dengan anak-anak dapat dilihat dalam kehidupan para sahabat seperti Abu Bakar Al-Siddiq dan anaknya Asma binti Abu Bakar. Ketika Rasulullah SAW dan Abu Bakar AS bersembunyi di Gua Thur saat hijrah dari Mekah ke Madinah, Asma dengan penuh keberanian menghantar bekalan makanan kepada mereka. Asma merasakan tanggungjawab besar dalam membantu ayahnya dan Nabi Muhammad SAW selama persembunyian di gua tersebut. Setiap hari, dia membawa makanan dan minuman untuk memastikan keperluan mereka dipenuhi dan memastikan mereka tetap kuat selama perjalanan mereka menuju Madinah (al-Mubarakfuri, 2020).

Kisah Asma binti Abu Bakar menunjukkan kecintaan dan kesetiaan anak kepada orang tuanya. Perbuatan Asma menggambarkan bagaimana hubungan ibu bapa dan anak tetap erat dan harmoni walaupun berada dalam situasi jarak jauh kerana wujudnya kasih sayang yang mendalam di antara mereka.

5. Melibatkan Anak-anak dalam Keputusan

Penting untuk melibatkan anak-anak dalam proses membuat keputusan yang berkaitan dengan keluarga, seperti perancangan bercuti atau perayaan. Ini akan memberi mereka perasaan dihargai dan turut serta dalam perancangan kehidupan keluarga, walaupun berada dalam perkahwinan jarak jauh. Dalam sebuah hadith menyebut:

{ لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيُوقِّرْ كَبِيرَنَا }

Maksudnya, *"Bukan daripada kalangan kami (sunnah kami), orang yang tidak menyayangi orang yang muda (lebih kecil usia) dan orang yang tidak menghormati orang yang dewasa (lebih berusia)."* (Hadith. al-Tirmidhiyy. 1921).

Mendengar dan didengar adalah proses komunikasi yang berkesan. Dalam berkomunikasi, seseorang tidak boleh hanya mahu didengari, seseorang juga mesti

mendengar orang lain bagi mewujudkan komunikasi dua hala dan mengelakkan salah faham. Menurut Hasan Bastomi (2016), boleh jadi anak-anak mampu menyaksikan fenomena yang mungkin tidak dapat kita orang dewasa jangkakan.

Jadi, melibatkan anak-anak dalam membuat keputusan dalam keluarga yang mengamalkan perkahwinan jarak jauh adalah penting untuk memastikan mereka merasa dihargai. Namun begitu, adalah penting untuk diingat bahawa melibatkan anak-anak dalam pengambilan keputusan tidak bermakna memberikan mereka beban yang berlebihan atau memikul tanggungjawab yang lebih besar daripada orang dewasa. Usia dan kematangan mereka sepatutnya menentukan tahap keterlibatan mereka.

6. Sistem Sokongan

Pasangan perlu mendapatkan sistem sokongan bagi mengisi kekosongan seperti guru dan keluarga terdekat untuk memastikan anak-anak mendapat sokongan yang mencukupi dalam aspek pendidikan dan perkembangan sosial. Kurangnya sokongan daripada rakan dan keluarga yang melihat gaya hidup mereka sebagai sesuatu yang tidak normal memberi tekanan negatif untuk pasangan perkahwinan jarak jauh (Gerstel & Gross, 1982; 1983; 1984; Winfield, 1985). Hal ini disebut dalam firman Allah SWT:

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ يَوْمَئِذٍ اللَّهُ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾

Maksudnya, “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sungguh, Allah sangat berat siksaan-Nya.” (al-Quran. Al-Maidah: 2).

Berdasarkan ayat di atas, Ibn Kathir (1980) mentafsirkan ayat ini dengan mengatakan bahawa Allah menyuruh hamba-Nya yang beriman untuk membantu dalam perbuatan baik dan meninggalkan perbuatan munkar. Allah juga melarang mereka daripada membantu dalam perbuatan dosa.

Sistem sokongan yang tepat adalah penting untuk membantu ibu atau bapa dalam perkahwinan jarak jauh merasa disokong, dihargai, dan dapat menghadapi cabaran dengan lebih mudah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, perkahwinan jarak jauh memberikan kesan yang signifikan terhadap pembentukan sahsiah anak-anak. Dalam konteks Islam, pentingnya pemahaman dan pelaksanaan panduan agama dalam menghadapi perkahwinan jarak jauh sehingga ia menjadi penekanan utama. Dengan mempertimbangkan keperluan emosi, komunikasi yang berterusan, melibatkan anak-anak dalam keputusan, memberikan sokongan dan bertanggung jawab dalam menunaikan amanah sebagai ibu bapa dapat meminimumkan kesan negatif dan memperkukuhkan pembentukan sahsiah anak-anak dalam konteks perkahwinan jarak jauh. Hasil kajian ini memberikan panduan berharga bagi pasangan yang berada dalam perkahwinan jarak jauh untuk memperkuat hubungan keluarga mereka dan mencapai harmoni dalam kehidupan keluarga mereka berdasarkan nilai-nilai Islam.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA untuk Geran Insentif Penyelidikan, RMC File No.: 600-RMC/GIP 5/3 (128/2021) yang menyumbang kepada pembangunan artikel ini.

RUJUKAN

Buku

- Abdul Malik Karim, A. (2007). *Lembaga Hidup*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Abdul Rashid, A. (2003). *Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publication&Distributors Sdn. Bhd.
- al-Ghazali, A. H. (t.t). *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Matba'ah al-Adab, h. 45
- al-Khalidi, S. A. F. (2017). *Mudah Tafsir Ibn Kathir. Jilid 2: Shahih, Sistematis, Lengkap*. Terj. Engkos Kosasih, et al., Cet. Kedua. Jakarta: Maghfirah Pustaka, 248.
- al-Mubarakfuri, S. S. (2020). *Sirah Nabawiyah*. Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar.
- al-Nawawi, M. A. Z. Y. S. (t.t.). *Al-Minhaj Fi Syarh Sahih Muslim ibn Al-Hajjaj*. Bayrut: Dar al-Alamiyyah.
- al-Qurtubi, A. A. A. (1964). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Cet. Kedua. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriah.
- al-Tabari, A. J. M. (2000). *Jami' al-Bayan fi T'a'wilil Quran*. Bayrut: Muassasah ar-Risalah.
- Boyatzis, R. E. (1998). *Transforming Qualitative Information; Thematic Analysis and Code Development*. London: Sage Publication.
- Canary, D. J., & Stafford, L. (1994). *Maintaining relationships through strategic and routine interaction*. In: D. J. Canary & L. Stafford (Eds.), *Communication and relational maintenance* (3–22). Academic Press.
- Gerstel, N., & Gross, H. E. (1983). *Commuter marriages: Couples who live apart*. In: E. D. Macklin & R. H. Rubin (Eds.), *Contemporary families and alternative lifestyles: Handbook on research and theory* (180-193). Beverly Hills: Sage.
- Gerstel, N., & Gross, H. E. (1984). *Commuter marriage: A study of work and family*. New York: Guilford Press.
- M. Quraish, S. (2009). *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian alQuran*. Jakarta: Penerbit Lentera Hati.
- Paizah, I. (1991). *Asas Pembinaan Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Mahir Publications Sdn. Bhd.
- Ulwan, A. N., (1999). *Tarbiyah al-Aulad fi al-Islam*. Mesir: Darussalam Liththaba'ah Wannasyr Watta'uzi'. Jld. II
- Winfield, F. E (1985). *Commuter marriage: Living together, apart*. New York: Columbia University Press.

Jurnal

- Arifin, M. & Adnan, A. R. (2013). Aplikasi Nilai-nilai Murni Berlandaskan Tema Luqman al-Hakim di dalam Al-Quran sebagai Asas Pendidikan. *Sosiohumanika*. 6(2): 133–142.
- Barnes, H. L. & Olson, D. H. (1985). Parent-Adolescent Communication and the Circumplex Model. *Child Development*, 56, 438-447.
- Clements, R. & Swensen, C. (2000). Current Psychology: Developmental, [online] 19(2), 110-119. <https://link.springer.com/article/10.1007/s12144-000-1007-7#citeas>
- Crangle, C. J., & Hart, T. L. (2017). Adult attachment, hostile conflict, and relationship adjustment among couples facing multiple sclerosis. *British Journal of Health Psychology*, 22(4), 836–853.
- Flax, V. L., Yourkavitch, J., Okello, E. S., Kadzandira, J., Katahoire, A. R., & Munthali, A. C. (2017). If my husband leaves me, I will go home and suffer, so better cling to him and hide this thing: The influence of gender on Option B+ prevention of mother-to-child transmission participation in Malawi and Uganda. *PLoS ONE*, 12(6), 1–18.

- Forsyth, C.J., & Gramling, R. (1998). Socio-Economic Factors Affecting The Rise Of Commuter Marriage. *International Journal of Sociology of the Family*, 28 (2), 93-106.
- Gerstel, N. & Gross, H. E. (1982). Commuter marriages: A review. *Marriage and Family Review*, 5, 71-93.
- Hasan, B. (2016). Pendidikan Keluarga Melalui Keterampilan Mendengar: Studi Kasus Di Wedung, Demak. *Buana Gender : Jurnal Studi Gender Dan Anak*, 1(2), 189.
- Hashim, N. & Razali, A. (2019). Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibubapa dan Anak-anak. *Malaysian Journal of Communication*, 35, 337-352.
- Hodijah, S., Rachmawati, Y., & Agustin, M. (2019). Upaya Guru Dalam Menanamkan Sifat Sabar Di RA Persis I Kota Bandung. *Edukids Jurnal Pertumbuhan, Perkembangan Dan Pendidikan Anak Usia Dini*, 15(2), 95-102.
- Ismail, Abdul. (2014). Dakwah Ibu Bapa Kepada Anak-anak. *Jurnal Perspektif Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 6, 102.
- Janssens, A., Goossens, L., Van Den, N. W., Colpin, H., Verschueren, K., Van Leeuwen, K. (2015). Parents' and adolescents' perspectives on parenting: Evaluating conceptual structure, measurement invariance, and criterion validity. *Assessment*, 22(4), 473-89.
- Khairul, H. (2013). Konsep Pendidikan Anak Dalam Al-Quran Surah Luqman. *Jurnal Penelitian Keislaman*, 9 (1), 113-127.
- Mohd Faez, M. S. & Noor Naemah, A. R. (2014). Kepentingan Kaedah Penyelidikan Moden Dalam Fatwa Semasa. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 4(1), 37. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Fuad, O., Mohd Aderi, C. N., Maimun Aqsha, L., dan Wan Nurul Syuhada'. (2017). Pendidikan Rohani Berasaskan Sains Al-Quran. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, v1(1), 64-77
- Rahman, N. a. A., & Alavi, K. (2023). Pattern of Interpersonal Communication Between Parents and Adolescence among The B40 Family. *EDUCATUM: Journal of Social Sciences/Educatum Journal of Social Sciences*, 9(1), 1-11.
- Ramadhini S, Hendriani W. (2015). Gambaran trust pada wanita dewasa awal yang sedang menjalani long distance marriage. *Jurnal Psikologi Klinis dan Kesehatan Mental*, 4(1), 1520.
- Rubyasih, A. (2016). Model Komunikasi Perkawinan Jarak Jauh. *Jurnal Kajian Komunikasi*, 4(1), 111.
- Siauw Yan Li. (2015). Commuter Families: Parental Readiness, Family Environment and Adolescent School Performance. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 172, 686-692.
- Zimmermann, T., De Zwaan, M., & Heinrichs, N. (2019). The German version of the quality of marriage index: Psychometric properties in a representative sample and population-based norms. *PLoS ONE*, 14(2), 1-12.

Laporan

- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK). (2003). Kajian nasional tentang transformasi keluarga dalam konteks perubahan trend dalam pekerjaan dan gaya hidup wanita di Malaysia. Laporan 2003, Putrajaya.

Persidangan

- Ghazali, N. M., Hoque, M., Manan, M. A., & Mohd, R. A. (2023). Source of Enhancing Mothers' Role in The Light of Hadiths Sahih al-Bukhari. *The 8th International Prophetic Conference (SWAN 2022)*, 7(1), 98.

Temu bual

Informan 01. 12 Mei 2022.

Informan 02. 11 Februari 2022.

Informan 03. 22 Mei 2022.

Informan 04. 23 Mei 2022.

Informan 05. 19 April 2022.

Informan 06. 31 Mei 2022.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.